



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESEDIAAN MENEMPUH ALAM KEIBUBAPAAN DI KALANGAN  
PASANGAN MUDA ISLAM DAERAH HULU LANGAT  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**FAKHRUL ADABI BIN ABDUL KADIR**

**FPP 2000 10**

**KESEDIAAN MENEMPUH ALAM KEIBUBAAPAN DI KALANGAN  
PASANGAN MUDA ISLAM DAERAH HULU LANGAT  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**FAKHRUL ADABI BIN ABDUL KADIR**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2000**



**KESEDIAAN MENEMPUH ALAM KEIBUBAPAN DI KALANGAN  
PASANGAN MUDA ISLAM DAERAH HULU LANGAT  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**Oleh**

**FAKHRUL ADABI BIN ABDUL KADIR**

**Tesis ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**September 2000**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains.

**KESEDIAAN MENEMPUH ALAM KEIBUBAPAAN DI KALANGAN  
PASANGAN MUDA ISLAM DAERAH HULU LANGAT  
SELANGOR DARUL EHSAN**

Oleh

**FAKHRUL ADABI BIN ABDUL KADIR**

**September 2000**

**Pengerusi: Profesor Dr. Azimi Hj. Hamzah**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Pasangan muda Islam hari ini merupakan ibu bapa yang akan berperanan mendidik dan membentuk generasi remaja akan datang. Gejala sosial di kalangan remaja Muslim kini amat membimbangkan, dan banyak pihak mengaitkannya dengan kegagalan institusi keluarga khususnya ibu bapa tidak memainkan peranan dengan sebaiknya. Membaiki fungsi institusi kekeluargaan dalam masyarakat merupakan langkah pencegahan paling berkesan. Oleh kerana kesediaan memikul tanggungjawab keibubapaan merupakan langkah awal kepada pelaksanaan tugas keibubapaan, maka usaha mengenalpasti tahap kesediaan di kalangan pasangan muda perlu dilakukan.



Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesediaan keibubapaan pasangan muda Islam menempuh alam keibubapaan dari perspektif Islam. Untuk itu, kajian ini melihat kesediaan keibubapaan di kalangan 180 orang responden yang terpilih (90 pasangan suami isteri) di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Data kajian dikumpulkan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) bagi mendapatkan maklumat tentang peratusan, purata dan sisihan piawai. Ujian-t, Ujian Anova dan Ujian Korelasi juga digunakan dalam kajian ini untuk melihat perkaitan dan perbezaan.

Hasil dari kajian ini mendapati 1) tahap kesediaan keibubapaan responden adalah tinggi; 2) tahap pengetahuan responden mengenai ilmu-ilmu kekeluargaan dan keibubapaan juga berada di tahap yang tinggi; 3) hampir kesemua responden bersikap positif terhadap peranan keibubapaan; 4) hampir kesemua elemen-elemen pengetahuan keibubapaan mempunyai perkaitan dengan elemen-elemen sikap terhadap peranan keibubapaan; 5) faktor-faktor demografi seperti jantina, tempat tinggal dan pendidikan agama tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan kesediaan keibubapaan; manakala faktor pendidikan akademik dan pekerjaan didapati mempunyai perbezaan yang bermakna; dan 6) faktor pendapatan, tahap pengetahuan dan sikap didapati mempunyai perkaitan yang bermakna dengan kesediaan keibubapaan; manakala faktor umur didapati sebaliknya.

Kajian penerokaan ini merumuskan bahawa pasangan muda Islam yang diambil sebagai responden dalam kajian ini mempunyai kesediaan keibubapaan yang tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa yang berjaya menurut perspektif Islam. Ini disebabkan majoriti mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan sikap yang positif. Namun begitu pengetahuan dan sikap sahaja tidaklah menjamin pelaksanaan amalan yang berkesan terhadap pendidikan anak-anak, kerana banyak faktor yang menghalang pelaksanaan amalan keibubapaan yang baik.

Berdasarkan kepada penemuan-penemuan kajian, maka beberapa cadangan telah dibuat. Cadangan-cadangan itu termasuklah mengadakan kajian yang sama di lokasi yang lain, membuat perbandingan di antara pasangan muda dengan pasangan lama dan mengkaji amalan keibubapaan yang mempengaruhi pembentukan anak-anak.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of requirements for the degree of Master of Science.

**THE READINESS OF YOUNG MUSLIM COUPLES IN FACING PARENTHOOD IN HULU LANGAT SELANGOR DARUL EHSAN**

**By**

**FAKHRUL ADABI BIN ABD KADIR**

**September 2000**

**Chairman: Professor Dr. Azimi Haji Hamzah**

**Faculty: Educational Studies**

Today's young Muslim couples are also the parents who are responsible to teach and develop the would-be youth of tomorrow. Social ills among Muslim youths today are of great concern and various parties view this as related to the failure of the family institution especially the irresponsible parents. The most effective step to overcome this is by improving the function of the family institution. The readiness to accept parental responsibility is the first step towards the implementation of parental responsibility, hence there is a need to examine the state of readiness among young couples.

The objective of the study is to understand the level of readiness of young Muslim couples from the Islamic perspective in facing the realm of parenthood. Thus, this research looks at the readiness among 180



respondents (90 married couples) in the district of Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. The data was collected through questionnaires and was analyzed using the Social Science Statistical Package (SPSS) to yield percentages, means and standard deviations. T-test, ANOVA and Correlation were also used.

The research found that 1) the respondents had high state of readiness towards parenting; 2) there was a high level of knowledge on family studies and parenting; 3) almost all respondents had positive attitudes towards parental responsibility; 4) nearly all on parenting knowledge were related to the attitude towards parenting responsibility; 5) there were no significant differences between the parenting readiness and gender, place of residence and religious knowledge; however, there were significant differences between factors such as academic qualifications and vocation; and 6) there were significant relationships between parenting readiness and income, educational level and attitude but for the age factor it is vice-versa.

This exploratory study concludes that young muslim couples who have responded to the study, have high level of parenthood readiness to perform their parenting responsibility according to the Islamic perspective. However this does not guarantee effective parenting practices in educating (bringing up) their children, as there are numerous other factors preventing the implementation of desirable parenting practices.



A number of recommendations are made based on the findings of the study. The recommendations include conducting a similar research at other location, carrying out a comparative study between young and older couples and to observe practices on parenting that influence the development of children.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala pujian hanya bagi Allah tuhan sekalian alam, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., kaum keluarga dan para sahabat baginda. Dengan rasa penuh ketulusan dan rendah diri dipanjatkan kesyukuran ke hadhrat Ilahi kerana dengan izin serta inayahNya jua tulisan ini dapat disempumakan.

Sesungguhnya tanpa kerjasama semua pihak, tulisan ini sudah tentu tidak dapat disempumakan. Oleh itu di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Dr. Azimi bin Hamzah, Prof. Madya Dr. Turiman bin Suandi dan Dr. Bahaman bin Abu Samah yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang berguna. Tidak lupa kepada semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Pendidikan Pengembangan yang begitu dedikasi menyumbangkan pengetahuan dan pengalaman mereka sepanjang pengajian saya.

Ucapan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan khususnya saudara Jusang yang sentiasa membantu dan memberi semangat kepada saya. Terima kasih juga kepada



rakan-rakan yang sudi meluangkan masa dan membantu saya mendapatkan data untuk menyiapkan tesis ini.

Penghargaan yang paling istimewa saya ucapkan kepada ibu tercinta Hjh. Halimah Saadiah bt. Abdullah yang sentiasa mendoakan kejayaan dan abah tercinta Hj. Abdul Kadir b. Zainol yang sentiasa menjadi idola dalam menuntut ilmu.

Ungkapan penghargaan yang paling khusus untuk isteri tercinta Puan Kamarul Hazani Yusof yang setia, tabah, sabar dan memahami serta sentiasa memberi dorongan dan inspirasi untuk menyelesaikan pengajian dengan sempurna. Seterusnya kepada anak-anak tersayang penyambung perjuanganku Fadhilatul Ehsan, Farisul Islam, Farisul Hakim, Farisul Muhaimin, Farisul Ikram dan Farisul Hafiz dengan kemanjaannya memberi semangat untuk menamatkan pengajian ini.

Akhirnya, berbilang terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah membantu menyiapkan tesis ini, tetapi tidak dapat disebut dalam penghargaan. Semoga segala dorongan, sokongan dan doa yang saya terima hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalasnya.

Wassalam.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Fakhru Adabi bin Abdul Kadir telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 19hb. September 2000 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Kesediaan Menempuh Alam Keibubapaan Di Kalangan Pasangan Muda Islam Daerah Hulu Langat Selangor Darul Ehsan" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Saidin bin Teh, Ph. D.  
Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Azimi bin Hamzah, Ph. D.  
Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Turiman bin Suandi, Ph. D.  
Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Bahaman bin Abu Samah, Ph. D.  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



MOHD. GHAZALI MOHAYIDIN, Ph. D.  
Profesor  
Timbalan Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 OCT 2000

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains.



KAMIS AWANG, Ph. D.  
Profesor Madya  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 JAN 2001.

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asal melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



---

Fakhrul Adabi Abdul Kadir

Tarikh: 12 - 10 - 2000

## KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK .....	ii
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN.....	viii
LEMBARAN PENGESAHAN .....	x
PENYATAAN KEASLIAN.....	xii
SENARAI JADUAL.....	xvi
SENARAI RAJAH. ....	xvii
BAB	
I PENDAHULUAN	
Konteks Permasalahan Kajian .....	1
Senario Institusi Keluarga Di Malaysia .....	4
Keluarga dan Gejala Sosial .....	7
Kesediaan dan Kekeluargaan .....	10
Pernyataan Masalah .....	13
Objektif Kajian .....	15
Objektif Umum .....	15
Objektif Khusus .....	15
Kepentingan Kajian .....	16
Skop Kajian .....	17
Definisi Istilah .....	18
II TINJAUAN BAHAN BERTULIS	
Konsep Kesediaan .....	20
Konsep Keibubapaan .....	22
Konsep Pengetahuan dan Sikap .....	23
Kesediaan Keibubapaan dalam Islam .....	27
Islam dan Institusi Keluarga .....	29
Pendidikan Anak-anak dalam Islam .....	32
Pengetahuan Keibubapaan .....	37
Pengetahuan Asas Agama.....	38
Pengetahuan Tanggungjawab Keibubapaan.....	39
Pengetahuan Kemahiran Komunikasi Keluarga....	41
Pengetahuan Kaedah Mendidik Anak.....	43
Pengetahuan Faktor-faktor Kegagalan Keibubapaan.....	45
Sikap Keibubapaan .....	47
Sikap Terhadap Akhlak Anak-anak .....	47
Sikap Terhadap Pergaulan Anak-anak .....	48
Sikap Terhadap Amalan Keagamaan Anak-anak ..	50



	Sikap Terhadap Pencapaian Akademik	
	Anak-anak .....	51
	Kajian-kajian Lepas Mengenai Kesediaan	
	Keibubapaan .....	51
	Perbezaan Kesediaan Keibubapaan Dengan	
	Jantina .....	52
	Perbezaan Kesediaan Keibubapaan Dengan	
	Pekerjaan .....	53
	Perbezaan Kesediaan Keibubapaan Dengan	
	Pendidikan Formal dan Pendidikan Agama .....	54
	Perbezaan Kesediaan Keibubapaan Dengan	
	Lokasi .....	55
	Perbezaan Kesediaan Keibubapaan Dengan	
	Pendapatan .....	55
	Perkaitan Di Antara Pengetahuan Dengan Sikap	
	Keibubapaan.....	56
III	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Reka Bentuk Kajian .....	58
	Kawasan Kajian .....	58
	Populasi Kajian .....	59
	Sampel Kajian .....	60
	Instrumen Kajian .....	61
	Pra Uji .....	61
	Pengumpulan Data .....	62
	Kerangka Konsep .....	62
	Pengukuran Pembolehubah .....	65
	Analisis Data .....	68
IV	<b>HASIL KAJIAN</b>	
	Maklumat Demografi Responden .....	71
	Jantina dan Umur.....	71
	Tempat tinggal.....	71
	Pekerjaan dan Pendapatan.....	72
	Pendidikan Akademik dan Agama.....	73
	Tahap Kesediaan Keibubapaan.....	75
	Tahap Pengetahuan Keibubapaan.....	77
	Bentuk Sikap Keibubapaan.....	81
	Perkaitan Di Antara Elemen-elemen Pengetahuan	
	dengan Elemen-elemen Sikap.....	84
	Perbezaan Antara Tahap Kesediaan dengan Faktor	
	Demografi, Pengetahuan dan Sikap.....	86
	Perbezaan Antara Jantina, Pendidikan Agama dan	
	Pendidikan Akademik dengan Kesediaan	
	Keibubapaan.....	88



	Perbezaan Antara Pekerjaan dan Tempat Tinggal dengan Kesediaan Keibubapaan.....	89
	Perkaitan Antara Umur, Pendapatan, Pengetahuan dan Sikap dengan Kesediaan Keibubapaan.....	90
<b>V</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
	Kenyataan Masalah .....	93
	Objektif Kajian .....	94
	Metodologi Kajian .....	94
	Penemuan Hasil Kajian .....	95
	Latar belakang Responden .....	95
	Kesediaan Keibubapaan Responden.....	96
	Pengetahuan Keibubapaan Responden.....	96
	Sikap Keibubapaan Responden.....	97
	Perkaitan Elemen-elemen Pengetahuan dengan Elemen-elemen Sikap.....	97
	Perbezaan Kesediaan Keibubapaan dengan Demografi Terpilih .....	98
	Perkaitan Antara Umur, Pendapatan, Pengetahuan dan Sikap dengan Kesediaan Keibubapaan.....	99
	Kesimpulan.....	100
	Perbincangan .....	101
	Implikasi dan Cadangan .....	112
	 RUJUKAN .....	 115
	 LAMPIRAN	
	A1-A10 Jadual-jadual Mengenai Tahap Pengetahuan, Bentuk Sikap dan Tahap Kesediaan Responden.....	123
	B    Borang Soal Selidik .....	136
	C    Pecahan Soal Selidik .....	146
	 VITA.....	 149



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Pengukuran Kesediaan Keibubapaan.....	65
2 Pengukuran Tahap Pengetahuan.....	66
3 Pembahagian Bentuk Sikap.....	67
4 Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur dan Tempat tinggal .....	72
5 Taburan Responden Mengikut Pekerjaan, Pendapatan, Pendidikan Akademik dan Pendidikan Agama.....	74
6 Taburan Tahap Kesediaan Keibubapaan.....	76
7 Taburan Tahap Elemen-Elemen Pengetahuan.....	80
8 Taburan Elemen-elemen Sikap .....	83
9 Perkaitan Antara Elemen-elemen Pengetahuan dengan Elemen-elemen Sikap.....	87
10 Ujian-t Ciri-ciri Demografi Terpilih Terhadap Kesediaan Keibubapaan .....	88
11 Ujian ANOVA Terhadap Kesediaan Keibubapaan Mengikut Jenis Pekerjaan dan Tempat tinggal .....	90
12 Perkaitan Antara Umur, Pendapatan, Pengetahuan dan Sikap dengan Kesediaan Keibubapaan.....	92

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Sumbangan Islam Kepada Kemanusiaan.....	30
2	Syariat Islam Sebaik-baik Syariat dalam Kehidupan Manusia.....	32
3	Pendidikan Anak-anak Yang Menyeluruh.....	37
4	Kaedah Pendidikan Anak-anak.....	44
5	Kerangka Konsep Kajian .....	64

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Sumbangan Islam Kepada Kemanusiaan.....	30
2	Syariat Islam Sebaik-baik Syariat dalam Kehidupan Manusia.....	32
3	Pendidikan Anak-anak Yang Menyeluruh.....	37
4	Kaedah Pendidikan Anak-anak.....	44
5	Kerangka Konsep Kajian .....	64

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Konteks Permasalahan Kajian**

Pembinaan keluarga yang sejahtera, makmur dan bahagia adalah perlu untuk menjamin kestabilan dalam sesebuah negara. Memandangkan pentingnya pemantapan institusi keluarga, maka Allah S.W.T. telah memperuntukkan undang-undang munakahat atau undang-undang keluarga dalam kehidupan. Tujuan undang-undang tersebut disyariatkan ialah bagi membentuk peribadi yang baik. Dari pembinaan peribadi yang baik akan terbina sebuah keluarga yang baik, manakala dari keluarga yang baik pula akan tertegaknya masyarakat yang harmoni dan berdisiplin; seterusnya dari masyarakat yang berdisiplin akan membangun sebuah negara kebajikan yang diredhai Allah S.W.T. dan RasulNya (Haron Din, 1988).

Keluarga merupakan pengaruh persekitaran yang penting dalam pembentukan dan perkembangan diri anak-anak. Setiap ahli keluarga memberi kesan tertentu ke atas perlakuan anggota keluarga yang lain, khususnya hubungan antara ibu bapa dan anak-anak yang berlaku secara langsung melalui komunikasi dan gaya asuhan. Perbezaan gaya asuhan akan membentuk sikap dan tingkahlaku yang berbeza bagi setiap individu. Perbezaan antara individu dapat dilihat melalui perlakuan yang ditonjolkan

iaitu cara mereka berfikir, berperasaan, bertingkahtaku dan bergerakbalas terhadap persekitaran masing-masing (Noriah,1991).

Ibu bapa merupakan pemimpin kepada institusi keluarga; oleh itu peranan mereka begitu besar dalam melahirkan generasi yang berguna di masa akan datang. Jika dilihat kepada perangkaan di Malaysia, ianya menunjukkan hampir 80 peratus daripada kalangan ibu bapa moden hari ini terdiri daripada golongan pekerja. Senario ini telah mendorong ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke rumah pengasuh atau TASKA bagi menggantikan mereka sebagai pendidik. Bagi sesetengah kes, anak-anak dihantar ke kampung untuk tinggal bersama datuk atau nenek kerana ibu bapa tidak dapat menumpukan masa secukupnya untuk mendidik mereka (Asmawati dan Norhalim 1996).

Menandatangani anak-anak dan remaja hari ini merupakan pewaris ummah yang bakal memegang peranan penting dalam bidang politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara ini, maka usaha mendidik dan membimbing mereka kepada keilmuan dan ketinggian akhlak merupakan usaha yang amat penting bagi menjamin kemajuan dan keharmonian negara. Namun begitu permasalahan akhlak di kalangan remaja hari ini begitu membimbangkan, dan ianya akan merugikan negara dalam jangka masa panjang.

Menurut kajian mengenai fenomena keruntuhan akhlak remaja yang dilakukan oleh Sabitha dan Mahmood Nazar (1994) menunjukkan salah satu punca berlakunya gejala sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja hari ini adalah berpunca dari pengabaian tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak dan kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan dan kawalan oleh ibu bapa atau penjaga. Senario ini merupakan lanjutan dari tekanan hidup, kesibukan kerja serta mengejar kemewahan, seterusnya menyebabkan ibu bapa dan anak-anak kekurangan masa untuk bersama. Maka ibu bapa tidak dapat memberi asuhan dan didikan yang sewajarnya menurut lunas-lunas Islam kepada anak-anak mereka.

Menurut Mustafa Kamil (1995), pengabaian tanggungjawab keibubapaan berlaku begitu ketara dalam institusi keluarga apabila berlakunya revolusi industri. Ini disebabkan dari keperluan tenaga kerja kaum wanita untuk menampung tenaga kerja kaum lelaki yang tidak mencukupi bagi perkembangan industri yang begitu pesat. Menurut Azizan pula (1995), kepesatan perindustrian, perbandaran dan pemodenan telah dikenalpasti sebagai faktor utama kepada pengabaian ibu bapa terhadap peranan mendidik anak-anak, seterusnya akan membawa kepada keruntuhan institusi keluarga.

Memandangkan institusi keluarga merupakan sekolah pertama bagi anak-anak dan kilang yang akan melahirkan generasi yang bertaqwa, maka sudah tentu usaha bagi memastikan para ibu bapa selaku orang yang

bertanggungjawab ke atas institusi tersebut agar dapat berperanan dengan jayanya merupakan satu usaha yang penting. Oleh itu di antara langkah awal yang boleh membantu institusi keluarga kembali kepada peranannya yang asal ialah dengan mengenalpasti tahap kesediaan dan kemampuan pasangan muda Islam hari ini dalam menghadapi tugas keibubapaan yang penuh mencabar. Semoga kajian ini dapat membantu institusi keluarga agar benar-benar dapat menjalankan amanah yang besar itu.

### **Senario Institusi Kekeluargaan Di Malaysia**

Institusi keibubapaan adalah satu peringkat yang penting dalam struktur sistem sosial manusia. Institusi keibubapaan ini lahir dari pembentukan keluarga menerusi perkahwinan (Abdul Wahid, 1992). Kebanyakan belia di Malaysia mula melangkah ke alam perkahwinan dalam lingkungan umur 20-30 tahun (Muhd. Nubli, 1997). Peringkat umur ini juga merupakan peringkat perkembangan penglibatan seseorang dalam pekerjaan dan hubungan sosial (Wan Halim, 1990).

Dalam undang-undang di Malaysia terdapat beberapa akta bagi menjamin keharmonian institusi keluarga, diantaranya ialah Akta Penjagaan Kanak-kanak, 1961; Akta Perlindungan Kanak-kanak, 1961; Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973; Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan dan Akta Wanita Bersuami dan Anak-anak, 1950 (Zaleha, 1997). Kuasa melaksanakan undang-undang keluarga di Malaysia



adalah berdasarkan kepada peruntukan yang terdapat dalam Jadual 9 senarai dua Perlembagaan Malaysia. Berdasarkan kepada peruntukan itu negeri-negeri di Malaysia dibenarkan membuat Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam yang berasingan bagi negeri masing-masing (Mahmood Zuhdi, 1989).

Struktur keluarga di Malaysia telah mengalami perubahan yang disebabkan oleh perubahan zaman. Keluarga pada zaman 50-an dan 60-an kebanyakannya bersifat keluarga luas (*extended families*) iaitu kebanyakan datuk, nenek dan ibu bapa saudara tinggal bersama-sama di bawah satu bumbung. Ikatan kekeluargaan begitu rapat dan anak-anak begitu menghormati dan menyanjung tinggi orang yang lebih tua daripada mereka. Manakala pada zaman 90-an ianya lebih berbentuk kepada keluarga asas (*nuclear families*) iaitu yang terdiri daripada ibu, ayah, anak-anak serta pengasuh. Manakala bilangan anak pula biasanya keluarga sekarang memilih untuk memiliki anak tidak melebihi lima orang. Pemilihan ini adalah disebabkan kos sara hidup yang tinggi dan ibu bapa pada zaman ini berpendapat bahawa bukan kuantiti yang utama tetapi kualiti yang lebih penting. Oleh itu mereka memilih untuk mempunyai bilangan keluarga yang kecil, supaya lebih mudah dikendalikan dan lebih jimat perbelanjaan (Asmawati dan Norhalim, 1996).

Persepsi ibu bapa zaman 90-an juga turut berubah sejajar dengan perubahan zaman. Ibu bapa kini lebih bersikap terbuka dan lebih informatif.